

01/07/2000

Pejabat Menteri Besar perlu awasi jabatan agama

PENANGKAPAN pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) terhadap penyanyi, Azlina Abas, dan 24 orang Islam lain di restoran yang dikatakan menjual minuman keras pada 10 Jun lalu mengingatkan kita kepada kejadian seumpama itu beberapa tahun lalu.

Pada masa itu, pegawai Jais menangkap tiga gadis kerana menyertai pertandingan ratu cantik. Perbuatan gadis itu dianggap menyalahi undang-undang Islam. Peristiwa itu menjadi heboh hingga Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri mengulas penangkapan gadis berkenaan.

Orang ramai umumnya membantah tindakan Jais itu kerana ia dikatakan tidak adil sebab gadis-gadis itu tidak diberi ingatan atau nasihat terlebih dulu oleh pegawai agama berkenaan mengenai undang-undang yang menegah mereka menyertai peraduan ratu cantik.

Kali ini pula, orang-orang Islam yang ditangkap oleh Jabatan Agama Islam kerana mereka bekerja di tempat yang menjual minuman keras. Mereka bukan ditangkap kerana meminum minuman keras tetapi kerana berada di suatu tempat yang menjual minuman keras. Antara mereka yang ditangkap ialah seorang biduanita bernama Azlina Abbas. Azlina dalam kenyataannya kepada media berkata dia bekerja sebagai penyanyi di restoran itu. Dia tidak meminum arak, malah pakaiannya ketika menyanyi pada malam itu adalah sopan dan tidak menyalahi hukum Islam. Dia terpaksa mencari makan sebagai penyanyi di restoran itu untuk mencari rezeki yang halal bagi menanggung nafkah diri dan anaknya.

Dalam keterangannya kepada akhbar kelmarin, Azlina menyatakan walaupun dia akan diadili atas tuduhan bekerja di tempat menjual arak, namun dia akan terus bekerja di situ.

Peristiwa itu menggemparkan masyarakat dan menjadi isu hangat hingga hari ini terutama kes penangkapan Azlina, rata-rata pendapat umum berpihak kepada ibu yang mempunyai seorang anak itu kerana Azlina bersama 14 wanita yang lain iaitu pelayan, pelanggan dan kerani wang akan diadili pada bulan September ini.

Bagaimanapun, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, mengarahkan mereka yang ditangkap oleh pegawai Jabatan Agama Islam Selangor baru-baru ini kerana dikatakan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 digugurkan tuduhan ke atas mereka. Sebabnya ialah kerajaan Selangor mendapati terdapat kecacatan dalam tuduhan itu. Dengan campur tangan kerajaan negeri dalam perkara itu, tidak bererti perkara itu sudah berakhir. Tindakan disiplin akan diambil ke atas pegawai yang bertanggungjawab menahan Azlina dan teman-temannya. Tetapi mengapakah mereka yang melakukan penangkapan itu saja yang harus dipertanggungjawabkan atas penangkapan Azlina dan teman-temannya? Kalau mereka melakukan kesilapan itu kerana tidak memahami sepenuhnya undang-undang yang berkaitan dengan kes tersebut, adakah mereka yang patut dipersalahkan? Atau adakah kesalahan itu wajar dipertanggungjawabkan kepada pegawai yang lebih tinggi daripada mereka?

Peristiwa seperti ini bukan pertama kali berlaku dan kerana itu kita wajar bertanya apakah langkah yang sudah diambil oleh Jais untuk memperkemas dirinya, terutama untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran pegawainya sejak peristiwa penangkapan ratu cantik beberapa tahun lalu? Apa yang jelas sekarang ialah jabatan agama negeri ini perlu diletakkan di bawah pengawasan dan perhatian yang lebih teliti daripada Pejabat Menteri

Besar. Apa yang berlaku baru-baru ini amat berkesan kepada imej kerajaan Selangor khususnya, bahkan masyarakat Islam di negeri ini. Pada mata kasar, ia menunjukkan bahawa kita tidak cekap mengurus hal ehwal agama kita. Bagaimanapun, kita berterima kasih kepada Kerajaan Selangor kerana keputusannya mengenai perkara ini.

(END)